

Hidup memerlukan kebertanggungjawaban

UB 16.4.2014 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

MANUSIA sering kali leka dan lupa dalam perjalanan hidupnya. Perjalanan hidup merupakan satu peristiwa yang akan melelahkan kepada manusia yang mengejar kebendaan. Namun bagi manusia yang mengerti dan memahami konsep tanggungjawab mereka akan lebih merasai kenikmatan dalam kehidupan.

Tanggungjawab merupakan satu amanah yang wajib dipikul oleh manusia bukan sekadar bertanggungjawab kepada diri sendiri malah kepada keluarga, masyarakat, negara dan yang lebih besar ialah tanggungjawab kepada Allah.

Oleh sebab itu dalam konteks kehidupan, tanggungjawab adalah bergantung kepada status yang dipegang. Contohnya, sebagai seorang pelajar di peringkat universiti, anda perlu bertanggungjawab kepada status sebagai pelajar. Oleh itu, anda perlu patuh kepada apa sahaja yang terkandung di dalam kod etika dan tingkah laku seorang pelajar. Justeru itu, anda perlu menjaga akhlak dan tingkahlaku sebagai pelajar universiti bukan sahaja di kampus malahan di mana jua anda berada. Nama institusi pengajian anda akan terpalit sekiranya anda salah bertingkahlaku di khalayak umum. Mungkin ramai di kalangan pelajar tidak mengambil peduli kerana merasakan mereka mempunyai hak sebagai seorang manusia seperti yang diperjuangkan oleh sesetengah NGO namun ia bukan satu perkara yang mudah. Dalam hal ini, anda

merasakan anda berhak ke atas diri anda, jaga tepi kain sendiri adalah lebih baik, merupakan fenomena biasa yang terlontar di bibir anda. Namun adakah anda sedar orang lain juga bertanggungjawab ke atas diri anda. Anda seharusnya menyedari tanggungjawab anda adalah belajar, menjaga akhlak, menjaga nama baik ibu bapa dan keturunan anda kerana setinggi mana pun anda belajar, sekiranya mempunyai akhlak yang rendah, sudah tentu hidup anda tidak akan bahagia.

Andai kata anda diberikan tanggungjawab sebagai seorang suami, maka laksanakan dengan jujur tanggungjawab itu. Sering kali berlaku dalam masyarakat ketidakjujuran pasangan dalam menjalankan tanggungjawab itu. Malahan mengambil masa yang bertahun-tahun untuk menyedari kekhilafan terhadap tanggungjawab adakah tanggungjawab kepada pasangan yang haram lebih penting daripada tanggungjawab yang diamanahkan Allah secara halal? Bukan perkara yang mudah untuk kembali ke pangkal jalan sekiranya anda terleka kerana ramai di kalangan mereka tewas dalam mengekalkan keutuhan sebuah ikatan perkahwinan yang halal. Tanggungjawab adalah asas kepada sebuah keinsafan samada anda berada di landasan yang betul atau pun salah. Oleh sebab itu ramai yang merana kerana gagal dalam memikul tanggungjawab pada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Apatah lagi hidup dalam serba mencabar memerlukan anda lebih bertanggungjawab dalam semua perkara kerana rahsia hanya di hujung jari anda.

*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS